

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perbandingan dan perbezaan dasar luar negeri antara Kerajaan Barisan Nasional dan Pakatan Harapan dari sudut :-

- (a) keseluruhan; dan
- (b) hubungan dengan negara China, Jepun, India dan Amerika Syarikat dan semakan semula Five Power Defence Arrangement memandangkan UK semakin lemah dalam pertahanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Setar atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Pakatan Harapan sebaik sahaja diberikan mandat untuk membentuk Kerajaan Persekutuan adalah dengan menggubal Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu yang berintipati ucapan YAB Perdana Menteri di sesi Ke-73 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 28 September 2018. Satu Usul telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini agar intipati ucapan tersebut dijadikan sebagai asas dasar luar Malaysia Baharu. Usul tersebut telah dibahaskan dan diluluskan dengan sebulat suara pada 15 Oktober 2018.

3. Secara keseluruhannya, Kerajaan Pakatan Harapan akan mengekal dan meneruskan prinsip-prinsip asas yang menjadi tunjang dasar luar negeri seperti yang telah diperjuangkan oleh Malaysia selama ini.

4. Namun, perbezaan yang akan dibuat terletak pada penekanan serta pendekatan yang akan diambil ke atas isu-isu tentang hubungan antarabangsa di dalam memacu Malaysia ke arah masa hadapan yang lebih cemerlang terutamanya di pentas antarabangsa. Pendekatan ini adalah sejajar dengan tema keseluruhan Kerangka tersebut iaitu ‘Pembaharuan Dalam Kesinambungan’.

5. Penggubalan Kerangka tersebut dijangka dapat membantu negara di dalam menzahirkan pendirian ke atas pelbagai isu antarabangsa dari sudut pandang sebuah negara yang maju, progresif serta mengamalkan demokrasi yang matang. Hasrat ini boleh dicapai sekiranya Malaysia dapat memainkan peranannya secara lebih proaktif dan membina (*constructive*) di pelbagai wadah di peringkat antarabangsa tidak kira sama ada Malaysia menjadi ahli di dalam badan tersebut atau pun tidak.

6. Kesinambungan dasar luar yang bertunjangkan prinsip asas seperti berbaik-baik dengan semua negara, tidak memihak, tidak mencampuri urusan dalaman negara lain akan diadunkan pula dengan penekanan ke atas isu-isu seperti *rule of law*, demokrasi, dan hak asasi manusia. Malaysia akan lebih vokal dalam memperjuangkan hak-hak serantau, hak golongan tertindas, hak ekonomi negara-negara Selatan dan lain-lain melalui platform sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Menyentuh persoalan hubungan Malaysia dengan negara seperti China, India, Jepun dan Amerika Syarikat, Malaysia sentiasa memberi perhatian dan penekanan yang sekata dan adil dengan kesemua negara tersebut.

8. Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia akur bahawa terdapat keperluan untuk mempertingkatkan kerjasama dan merapatkan hubungan dua hala dengan negara-negara tersebut yang merupakan rakan

dagang utama negara. Hubungan dengan negara-negara ini berada di paras yang baik walaupun ada percanggahan yang melibatkan isu-isu dua hala, antarabangsa dan serantau. Percanggahan ini ada kalanya disalahtafsir sebagai masalah yang merencatkan hubungan Malaysia dengan negara-negara tersebut. Walaubagaimanapun, Kerajaan Malaysia komited dengan hubungan erat tersebut dan sentiasa mencari jalan bagi mengatasi percanggahan pendapat tersebut dengan efektif.

9. Kerajaan percaya bahawa rundingan semula dengan China ke atas beberapa projek mega dibuat berdasarkan soal ketelusan dan *rule of law* yang menjadi prinsip utama yang didukung oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Kerajaan juga percaya sebarang rundingan yang membawa kepada termeterainya sesuatu perjanjian perlu dilaksanakan berdasarkan prinsip kesamarataan, saling menghormati dan menguntungkan kedua-dua pihak.

10. Meski pun Malaysia merupakan sebuah negara kecil berbanding dengan empat negara yang dirujuk itu, Malaysia akan terus mengutarakan pendapatnya mengenai isu-isu semasa secara terus-terang dan berprinsip, termasuklah isu-isu di mana wujudnya percanggahan pendapat atau pendirian di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

11. Berkenaan dengan soalan mengenai *Five Power Defence Arrangements*, dengan izin, Perjanjian Pertahanan Lima Negara, atau juga dikenali dengan singkatan FDPA, perkara ini adalah di bawah dasar pertahanan yang merupakan bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan Malaysia. Saya berasaskan adalah wajar perkara ini dirujuk terus kepada Kementerian Pertahanan bagi mendapatkan maklumat terkini mengenainya.

Sekian, terima kasih.